

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN  
DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jelaskan adakah makmal tempatan, baik swasta mahupun agensi Kerajaan turut berusaha mencari formula vaksin untuk COVID-19, tanpa bergantung sepenuhnya kepada penemuan vaksin oleh makmal luar negara. Sekiranya tidak, nyatakan kekangan yang dihadapi makmal-makmal tempatan, baik dari segi dana dan kepakaran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Buat masa ini Malaysia tidak mempunyai fasiliti lengkap untuk pembuatan vaksin bagi kegunaan kesihatan manusia. Menyedari keadaan semasa memerlukan satu tindakan yang positif, mesyuarat Majlis Sains Negara sebelum ini telah bersetuju agar satu roadmap pembangunan vaksin negara dibangunkan dengan objektif menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar vaksin manusia dalam tempoh 10 tahun. Roadmap ini dijangka siap pada suku ke-2 tahun 2021.

Selain daripada pembangunan roadmap ini, MOSTI juga telah menawarkan skim dana baharu iaitu MOSTI Combating COVID-19 Fund yang menggalakkan projek R&D dalam memerangi dan mengawal wabak COVID-19. MOSTI telah meluluskan satu projek menerusi tabung ini yang berjumlah RM2.1 juta ke Universiti Malaya bagi pembangunan vaksin

COVID19. MOSTI berharap inisiatif ini menjadi sebuah platform bagi penciptaan vaksin tempatan seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan bekalan vaksin dari luar negara.

Selain daripada itu, kerajaan juga turut memasukkan elemen pemindahan teknologi dan kepakaran menerusi rundingan yang sedang dibuat bagi tujuan perolehan vaksin daripada negara atau syarikat farmaseutikal luar negara. Sebagai contoh, perjanjian kerjasama antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China yang ditandatangani turut bersetuju untuk memperkukuhkan kerjasama bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan vaksin pada masa hadapan. Begitu juga perbincangan awal dengan pihak Rusia adalah tidak terhad kepada pembelian vaksin tetapi juga pemindahan kepakaran membangunkan vaksin COVID-19 dan untuk virus lain di Malaysia.

Sepertimana yang telah diumumkan sebelum ini, Kerajaan telah mengenalpasti dua buah syarikat GLC yang mempunyai kemampuan bagi tujuan pembotolan vaksin atau *fill and finish* iaitu PharmaNiaga dan Duopharma. kedua-dua syarikat ini mempunyai fasiliti yang berkemampuan untuk melaksanakan *fill and finish*. Duopharma akan menggunakan kemudahan sedia ada di Klang untuk melaksanakan *fill and finish*. Kemudahan tersebut perlu dinaik taraf dan dijangka akan disiapkan menjelang awal 2021. Manakala Pharmaniaga mempunyai kemudahan sedia ada yang boleh diubahsuai bagi tujuan *fill and finish*.

Keputusan pemilihan syarikat bagi tujuan *fill and finish* ini tidak hanya tertakluk kepada Duopharma dan Pharmaniaga sahaja. Kerajaan turut menggalakkan mana-mana syarikat yang boleh melaksanakan *fill and finish* ataupun membuat pelaburan dalam pembuatan vaksin daripada pihak swasta juga. Pemilihan syarikat dilakukan berdasarkan keupayaan untuk mengilang produk farmaseutikal tempatan yang telah memenuhi keperluan amalan perkilangan baik (GMP) dan mengikut standard *Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme*. Pemilihan pengilang yang telah memenuhi standard ini sangat penting bagi memastikan aspek technology transfer boleh berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.